



## IMPLIKASI PANDEMIK COVID-19 TERHADAP IBADAH HAJI DAN UMRAH MUSIM 1441H SERTA PENYESUAIANNYA MENURUT FIQAH MAZHAB SYAFIE

### [IMPLICATIONS OF COVID-19 PANDEMIC ON HAJJ AND UMRAH SEASON 1441H AND ADJUSTMENT ACCORDING TO FIQH MAZHAB SYAFIE]

HASANULDDIN MOHD,<sup>1\*</sup> JAMALLUDDIN HASHIM,<sup>1</sup> WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN<sup>1</sup> & HANNAN FATINI MD. RESHAD<sup>2</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA. E-mail: hasandin@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Calon Sarjana, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

---

Received: 18 December 2020

Accepted: 19 Januari 2021

Published: 6 Februari 2021

---

**Abstrak:** Ibadah Haji dan Umrah merupakan kewajipan umat Islam yang berkemampuan sekali seumur hidup. Pelaksanaannya menuntut keperluan memenuhi segala rukun, wajib dan syaratnya termasuk menghadirkan diri ke tempat-tempat yang merupakan *masyair* bagi kedua-dua ibadat tersebut yang kini terletak di Arab Saudi. Penularan pandemik Covid-19 yang telah melanda dunia sejak akhir tahun 2019 telah mencatatkan jutaan kes positif dan rekod kematian yang tinggi di banyak negara. Kerajaan Arab Saudi telah mengarahkan sekatan visa dan perjalanan melakukan umrah sejak akhir Februari 2020 bagi menyekat penularan wabak ini. Kemuncaknya, mereka juga telah memutuskan ketetapan yang sama terhadap pelaksanaan haji musim 1441H, namun masih dibenarkan kepada sejumlah kecil jemaah yang terpilih sahaja. Hal ini menimbulkan persoalan sejauh manakah pelaksanaan ibadat haji pada tahun ini, dari sudut siapakah yang bakal terpilih dan apakah kriteria pemilihan serta kesannya terhadap keseluruhan pelaksanaan ibadat haji pada musim ini. Kajian ini akan melihat sejauh mana kesan pandemik Covid-19 kepada Arab Saudi dan negara-negara umat Islam dan kaitannya dengan ibadat haji dan umrah. Ketetapan Kerajaan Arab Saudi dalam isu berkaitan akan turut dibuat sorotan. Seterusnya kajian akan mengemukakan solusi menurut pendapat ulama dalam mazhab Syafie. Kajian ini menggunakan metode dokumentasi dalam mengumpulkan data-data yang berkaitan, kemudiannya dianalisis menggunakan metode analisis kandungan dan perbandingan. Kajian ini mendapati bahawa banyak negara Islam yang terkesan dengan penularan pandemik ini termasuk Arab Saudi yang menjadi subjek kajian. Justeru, kerajaan Arab Saudi mempunyai hak untuk menghalang ibadat haji dan umrah buat sementara waktu ini demi *maslahah* rakyatnya dan umat Islam seluruhnya. Pada masa yang sama, fardu kifayah dalam pelaksanaan ibadat haji dan umrah boleh terangkat dengan hanya perlu dilakukan oleh penduduk Mekah berdasarkan pandangan *fuqaha* Syafie. Kesimpulannya, umat Islam seluruh dunia perlu menggembung kekuatan dan kesatuan serta mengelakkan polemik dan perselisihan dalam tempoh yang gawat dan mencabar ini. Semoga pandemik ini dapat ditangani dengan segera dan sebaiknya dan umat Islam dapat kembali melakukan ibadah seperti biasa.

**Kata Kunci:** Implikasi Covid-19, ibadat haji, ketetapan Kerajaan Arab Saudi, penyelesaian fiqah.

**Abstract:** Hajj and Umrah is an obligation of Muslims who are capable once in a lifetime. Its implementation demands the need to fulfill all the pillars, obligations and conditions including attending the places that are masyair for the two acts of worship that are now located in Saudi Arabia. The Covid-19 pandemic that has hit the world since the end of 2019 has recorded millions of positive cases and a high death record in many countries. The Saudi Arabian government has ordered visa and travel restrictions to perform umrah since the end of February 2020 to curb the spread of the epidemic. In conclusion, they have also decided the same resolution on the implementation of the pilgrimage of the 1441H season, but still allowed to a small number of selected pilgrims only. This raises the question of the extent of the implementation of the pilgrimage this year, in terms of who will be selected and what are the selection criteria and its impact on the overall implementation of the pilgrimage this season. This study will look at the extent of the effects of the Covid-19 pandemic on Saudi Arabia and Muslim countries and its relation to Hajj and Umrah. The decision of the Government of Saudi Arabia on related issues will also be highlighted. Next, the study will present a solution according to the opinion of scholars in the Syafie sect. This study uses documentation methods in collecting relevant data, then analyzed using content analysis and comparison methods. The study found that many Islamic countries affected by the spread of this pandemic including Saudi Arabia which was the subject of the study. Therefore, the Saudi Arabian government has the right to temporarily block Hajj and Umrah for the sake of its people and Muslims as a whole. At the same time, fardu kifayah in the implementation of hajj and umrah can be lifted by only having to be done by the people of Mecca based on the views of Syafie jurists. In conclusion, Muslims around the world need to mobilize strength and unity as well as avoid polemics and disagreements in this critical and challenging period. Hopefully this pandemic can be addressed immediately and well and Muslims can return to worship as usual.

**Keywords:** Covid-19 implications, pilgrimage, Saudi Arabia Kingdom, fiqh settlement.

**Cite This Article:**

Hasanulddin Mohd, Jamalluddin Hashim, Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, & Hannan Fatini Md. Reshad. (2021). Implikasi Pandemik Covid-19 terhadap Ibadah Haji dan Umrah musim 1441H serta penyesuaianya menurut Fiqah Mazhab Syafie [Implications of Covid-19 Pandemic on Hajj and Umrah season 1441H and adjustment according to Fiqh Mazhab Syafie]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*, 1(1), 26-35.

## PENGENALAN

Haji merupakan salah satu, malah kemuncak rukun Islam yang lima. Haji wajib ditunaikan sekali seumur hidup bagi umat Islam yang berkemampuan. Dengan melaksanakannya, maka sempurnalah keislaman seseorang (Jamalluddin Hashim, 2017). Saban tahun umat Islam melaksanakan amalan haji ini di Tanah Suci Mekah serta berusaha menyempurnakannya bagi mendapatkan haji yang mabruur. Haji mabruur merupakan matlamat bagi setiap jemaah haji. Hal ini tidak akan tercapai melainkan dengan memahami dan mengetahui kesempurnaan ibadah (Abu Hamid Muhammad, 1993).

Haji menurut bahasa ialah menuju atau mengunjungi suatu tempat. Dari segi istilah pula membawa maksud mengunjungi Baitullah (Ka'bah) pada waktu tertentu bagi melaksanakan perkara-perkara tertentu dengan syarat-syarat tertentu.

Manakala pengertian umrah dari segi bahasa adalah ziarah. Umrah dari segi istilah ialah mengunjungi Baitullah pada bila-bila masa bagi melakukan ibadat-ibadat tertentu dengan syarat-syarat tertentu.

Firman Allah s.w.t berkaitan kewajipan melaksanakan haji dan umrah:Maksudnya: “Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah”(Surah al-Baqarah: 196). Dari segi waktu pelaksanaan, haji hanya dikerjakan pada bulan-bulan haji yang telah termaklum sahaja, bermula 1 Syawal sehingga seketika sebelum terbit fajar 10 Zulhijjah, manakala ibadah umrah boleh dilakukan pada bila-bila masa sepanjang tahun (Syamsudin Muhammad, t.th). Haji merangkumi enam rukun iaitu berniat ihram, wukuf di Arafah, tawaf, sa’ie, bercukur atau bergunting dan tertib pada kebanyakan rukun, manakala wajib haji juga ada enam iaitu berniat di miqat, meninggalkan segala larangan ihram, bermalam di Mudzalifah, melontar di Jamrah Kubra, melontar di ketiga-tiga jamrah dan bermalam di Mina. Umrah pula hanya mempunyai lima rukun dengan tidak termasuk wukuf dan wajib umrah pula merangkumi berniat ihram di miqat dan meninggalkan segala larangan ihram (Mustafa al-Bugha, 2013).

Para ulama feqah bersepakat bahawa ibadah haji wajib hukumnya bagi yang berkemampuan sama ada dengan diri sendiri atau dengan bantuan orang lain. Bentuk kemampuan ini merangkumi kemampuan perbelanjaan, fizikal dan masa. Hal ini berdasarkan firman Allah, maksudnya: ‘Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadah Haji dengan Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya”(Surah Ali Imran: 97)

Pengertian istito’ah (berkemampuan) dalam firman Allah ini membawa maksud berkemampuan. Berkemampuan terbahagi kepada dua iaitu berkemampuan secara langsung iaitu mampu mengerjakan ibadah Haji atau Umrah dengan sendiri dari segi sihat kesihatan jasmani dan juga kewangan serta mempunyai kenderaan pergi dan balik. Manakala bagi berkemampuan secara tidak langsung iaitu mengupah orang lain untuk mengerjakan ibadah Haji atau Umrah kerana sakit atau mati (Mustafa al-Bugha, 2013). Berkemampuan boleh diterjemahkan dalam beberapa aspek, pertama sihat tubuh badan, dengan iaitu tidak menjelaskan perjalanan pergi dan pulang daripada melakukan ibadah haji. Kedua, mempunyai sumber kewangan yang mencukupi sama ada pergi dan pulang yang melebihi keperluan diri sendiri dan keluarga. Ketiga, mempunyai kenderaan baik di daratan atau di lautan. Akhir sekali perjalanan yang aman pergi atau balik, yakni tidak berlaku peperangan, rusuhan atau darurat (Basri Ibrahim, 2009).

## LATAR BELAKANG PANDEMIK COVID-19

Virus Covid-19 mula melanda dunia sejak akhir 2019 dan penularannya bermula di China. Sehingga artikel ini ditulis, lebih 13 juta orang di seluruh dunia telah dijangkiti virus ini dan meragut lebih 586 ribu nyawa ([www.worldometers.info/coronavirus](http://www.worldometers.info/coronavirus), 16 Julai 2020). Covid-19 atau Coronavirus (CoV) adalah famili virus yang boleh menyebabkan penyakit selsema, sesak nafas dan mengakibatkan kematian. Simptom penyakit ini meliputi demam, pening kepala, sakit badan, pening kepala, batuk dan sukar bernafas (Office Of The Chief Registrar, 2020). Wabak Covid-19 diisyiharkan sebagai pandemik kerana telah menyerang manusia dalam skop lebih besar dan akan mengancam kawasan yang lebih luas seperti negeri, negara, benua atau negara sekiranya tidak dibendung dan dibiarkan merebak (Najmi Syahiran, 2020). Antara ciri pandemik yang menimpa manusia ialah tidak mempunyai imuniti atau daya tahan melawan terhadap penyakit tersebut serta merebak dengan pantas dengan kadar kematian yang cukup tinggi (Helmy Hazmi, 2018). Menurut data Johns Hopkins University, pertambahan lebih 90 ribu kes positif berlaku dalam tempoh 24 jam (Astro Awani, 2020).

Di Malaysia, kronologi Pandemik Covid-19 bermula pada 23 Jan 2020. Kementerian Kesihatan (KKM) melalui Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) telah menerima laporan tiga kes awal, dua di Sabah dan satu di Selangor. Pada 25 Januari 2020, Menteri Kesihatan ketika itu, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad mengesahkan bahawa kes pertama Covid-19 membabitkan tiga warga China yang telah memasuki Malaysia melalui Johor dar Singapura pada 23 Januari 2020. Pada 30 Januari 2020, sebuah jawatankuasa khas bagi misi bantuan kemanusiaan membawa pulang rakyat Malaysia dari Wilayah Hubei, China susulan penularan jangkitan Covid-19 di wilayah tersebut. Selain itu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah mengisyiharkan wabak Covid-19 ini sebagai darurat kesihatan dunia serta mendefinisikan darurat global lantaran kes kematian yang tinggi melibatkan jaringan negara-negara lain (Astro Awani, 2020). Gelombang pertama ini mencatatkan 22 kes dan berakhir setelah 11 hari tiada kes baharu dicatatkan (<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/661933/malaysia-alami-gelombang-kedua-covid-19>, 4 Mac 2020).

Kes di Malaysia memasuki gelombang kedua bermula 27 Februari. Ia dikesan ekoran perhimpunan tabligh di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur. Pada 15 Mac 2020 sebanyak 190 kes dilaporkan positif Covid-19 berkaitan kluster tersebut. Justeru, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama 14 hari bermula 18 Mac sehingga 31 Mac (Metro Online, 2020). PKP ini dilanjutkan lagi meliputi fasa 2, 3 dan 4 serta dijadualkan berakhir pada 12 Mei 2020 pada awalnya. Dalam tempoh ini, rakyat tidak dibenarkan bergerak melainkan keperluan mencari bekalan makanan serta berkerja di sektor-sektor yang kritikal sahaja. Rumah-rumah ibadat terpaksa ditutup buat sementara waktu dan tiada aktiviti dan perhimpunan sosial yang dibenarkan. Bagi kawasan yang mencatatkan kes positif yang tinggi, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) diperkenalkan bagi mengekang penularan wabak dengan lebih serius. Pihak berkuasa boleh menahan mereka yang melanggar perintah kawalan pergerakan ini serta mengenakan amaran, kompaun atau menghadapkan pesalah ke mahkamah (Berita Harian Online, 2020).

Walau bagaimanapun, apabila kes di Malaysia mula menunjukkan tanda-tanda penurunan dan pemulihan, PKP ini telah dilonggarkan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bermula 4 Mei 2020. Seterusnya kelonggaran ini diperluaskan lagi dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula 10 Jun 2020 hingga 31 Ogos 2020. Hampir semua sektor ekonomi mula dibuka seperti biasa dan kawalan pergerakan mula dilonggarkan. Sebahagian aktiviti masjid seperti solat Jumaat, solat berjemaah, kuliah pengajian dan seumpamanya telah dibenarkan untuk dilaksanakan semula dengan prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan yang jelas dan ketat untuk memastikan keselamatan para jemaah.

## **PANDANGAN SYARAK BERKAITAN PENCEGAHAN PENULARAN WABAK**

Nabi Muhammad s.a.w mengajarkan kepada umatnya agar mengambil tindakan yang sewajarnya apabila menghadapi musibah penyakit yang berjangkit. Ia merupakan tanggungjawab bagi setiap individu dan anggota masyarakat dengan mengambil inisiatif pencegahan bagi menyekat penularan penyakit yang berjangkit. Antara langkah keselamatan yang perlu diambil ialah mengelakkan diri daripada tempat-tempat awam atau keramaian seperti masjid, hospital, lapangan terbang, kedai makan dan sebagainya. Selain itu, Nabi s.a.w

juga menasihati agar tidak berada di tempat wabak iaitu tempat penyakit berjangkit itu berada dan sekiranya telah berada di tempat itu, janganlah keluar daripadanya. Nabi s.a.w. bersabda:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِهِ بِأَرْضٍ فَلَا تَقْدُمُوا عَلَيْهِ وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا فِرَارًا مِنْهُ

Maksudnya: “Apabila kamu mendengarnya (wabak) di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya.” (Sahih Muslim:2219)

Oleh itu, berpandukan dengan hadis ini, umat Islam wajib mencegah sama ada diri sendiri dan masyarakat seluruhnya daripada terkena penyakit wabak ini (Abdul Haji Awang, 2020). Ajaran Islam merupakan ajaran yang sempurna dan membawa rahmat ke seluruh alam. Islam memberi keringanan (rukhsah) dalam hukum syarak kepada orang yang berhadapan dengan kesukaran, kesulitan atau apa juu situasi dalam melaksanakan kewajipan dan tanggungjawab dalam menunaikan perintah Allah. Antara rukhsah yang diberikan kepada umat Islam ialah seperti tayamum ketika ketiadaan air, solat jama’ dan qasar ketika bermusafir, meninggalkan solat jumat kerana keuzuran seperti hujan lebat dan sebagainya (Majlis Ugama Singapore, 2020).

## **MAQASID SYARIAH DALAM PENULARAN WABAK**

*Maqasid syariah* secara umumnya merujuk kepada makna dan tujuan yang dikehendaki oleh syarak dalam mensyariatkan sesuatu hukum untuk menjamin kemaslahatan manusia. *Maqasid syariah* mempunyai lima elemen utama (*dharuriyyat al-khams*) iaitu memelihara agama, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara keturunan dan memelihara harta benda (Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), 2020). Islam sangat menitikberatkan kemaslahatan manusia supaya dapat menjaga kesejahteraan hidup mereka di dunia dan akhirat. Dalam menghadapi sesuatu musibah atau bencana seperti penularan wabak, umat Islam wajib menolak sebarang kemudarat yang timbul selagi terdaya. Ini bertepatan dengan hadis Nabi s.a.w.: Maksudnya: “Tidak boleh mudarat dan tidak boleh memudaratkan” (Hadis riwayat Ibn Majah)

Perkara kedua yang terpenting dalam *maqasid syariah* ialah menjaga nyawa. Menjaga nyawa ini adalah dengan memelihara maruah, persaudaraan dan kesaksamaan sosial, keadilan, keselamatan hidup, harta dan maruah, pemerintah yang baik, mengurangkan kadar kemiskinan dan memenuhi keperluan ekonomi masyarakat. Menjadi tanggungjawab pemerintah untuk mengelakkan korban nyawa dan pertumpahan darah demi menjaga kestabilan, ketenteraman dan keamanan negara daripada kemusnahan (JAKIM, 2020).

Justeru, langkah-langkah pencegahan daripada penyakit ini berjangkit adalah suatu usaha yang sangat penting untuk melestarikan kelangsungan hidup. Malah langkah ini merupakan usaha memenuhi tuntutan agama iaitu menjaga dan memelihara nyawa. Dalam tempoh PKP ini, semua aktiviti sosial dan keramaian dibatalkan seperti yang dinyatakan sebelum ini. Berdasarkan keputusan yang telah dibincangkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia bersama ahli-ahli Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khaz Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia pada 15 Mac 2020 telah memutuskan semua aktiviti di masjid dan surau termasuk solat Jumaat dan solat berjemaah ditangguhkan sepanjang tempoh kawalan pergerakan. Ini merupakan langkah awal keselamatan bagi mengelakkan penularan

pandemik Covid-19 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020). Pada masa yang sama, menjaga agama dan syiarnya masih tetap terpelihara dengan laungan azan, kebenaran melakukan solat berjemaah di masjid dalam bilangan yang terhad dan seumpamanya.

## **TUNTUTAN PELAKSANAAN IBADAT HAJI MENURUT MAZHAB SYAFIE**

Ibadah haji mempunyai tata tertib serta tuntutan yang mesti diikuti dan dikerjakan dengan sempurna supaya mendapat haji yang mabrur. Perbincangan tentangnya telah dilakukan dalam subtopik yang terdahulu. Dalam hal ini, meng’hidup’kan Kaabah dengan dilaksanakan haji pada tiap-tiap tahun hukumnya adalah fardu kifayah. Ini berlaku apabila haji ini dilaksanakan oleh satu kumpulan mukallaf yang berkemampuan. Apabila ini terlaksana, maka gugurlah tuntutan pelaksanaan haji ini daripada orang lain. Ini kerana tujuan terbesar didirikan Kaabah itu adalah untuk dilaksanakan haji. Dengan pelaksanaan haji ini akan turut menghidupkan serta mengimarahkan tempat-tempat suci yang lain iaitu Arafah, Muzdalifah dan Mina. (al-Nawawi 1994; ‘Abd al-Fattah 1994)

Dari segi bilangan yang dikira memadai bagi pelaksanaan haji tersebut, terdapat beberapa pandangan fuqaha Syafi’e dalam menentukannya. Ada yang mengatakan wajib dilaksanakan oleh satu kumpulan manusia supaya zahir kelihatan syiar pelaksanaan haji walaupun ia dilakukan oleh kanak-kanak. Ini adalah seperti yang disebutkan dalam kitab Busyra al-Karim. Menurut al-Syarqawi, memadai ia dilaksanakan oleh seorang sahaja. Tidak memadai jika ia dilaksanakan oleh hamba dan kanak-kanak menurut pendapat yang muktamad. Dalam Hashiah Qalyubi dan ‘Umairah turut menyebut pandangan al-‘Allammah al-Simbati yang mengatakan memadai dengan seorang sahaja walaupun ia dilaksanakan oleh penduduk Mekah. Pendapat al-Syarqawi ini ditafsirkan sebagai memadai haji ini dilaksanakan oleh seorang sahaja bagi menggugurkan fardu kifayah jika ia dilaksanakan oleh pemimpin tertinggi (الإمام الأعظم) kerana syiar haji itu zahir kelihatan dengan dilaksanakan olehnya (al-Jurdani, 1988).

Bagi Ibn Hajar al-Haytami (1996), fardu kifayah ini terlaksana dengan dilakukan oleh sekumpulan mukallaf yang dari segi urufnya syiar pelaksanaan haji zahir kelihatan walaupun ia dilakukan oleh penduduk Mekah sahaja. Ini juga pandangan al-Khatib al-Shirbini (2000) dan al-Ramli (2003). Pandangan dan hujah para fuqaha Syafie ini dinyatakan secara terperinci dalam karangan-karangan mereka. Kajian ringkas hanya sekadar menyelongkar khazanah fuqaha Syafie yang membincangkan isu ini.

Kesimpulannya, dalam menentukan bilangan pelaksana haji supaya gugur fardu kifayah atas umat Islam, pendapat teramai fuqaha Syafie ialah dilakukan oleh sekumpulan mukallaf yang dari segi urufnya akan zahir kelihatan padanya syiar pelaksanaan haji. Memadai ia dilakukan oleh penduduk Mekah sahaja. Walaupun terdapat pandangan yang mengatakan memadai ia dilaksanakan oleh seorang sahaja, namun pandangan ini banyak menerima bantahan daripada fuqaha Syafie sendiri.

**ANALISIS PELAKSANAAN IBADAT HAJI DAN UMRAH SEMASA PANDEMIK COVID-19**

Pandemik Covid-19 telah menjelaskan normal dan norma kehidupan manusia sejagat. Bagi umat Islam, secara khususnya mereka dilarang hadir ke masjid bagi menunaikan solat Jumaat dan berjemaah sehingga berakhirnya wabak. Ibadat haji dan umrah juga turut terkesan secara signifikan. Ini kerana Arab Saudi yang menjadi tuan rumah kepada kedua-dua ibadat agung ini sedang berhempas-pulas menangani wabak ini. Sehingga 16 Julai 2020, ia merupakan negara Islam ketiga tertinggi yang terkesan dengan pandemik ini dengan jumlah kes keseluruhan dicatatkan sebanyak 240,474. Daripada kumulatif tersebut, kes aktif ialah sebanyak 55,101, manakala kes sembuh ialah 183,048. Sehingga artikel ini ditulis, angka kematian telah mencecah 2325 dan virus ini telah menyerang 127 buah bandar. Berikut ialah perincian kes mengikut sebahagian bandar-bandar utama di Arab Saudi:

| Bandar-bandar Utama | Kes positif | Kes Aktif | Kematian |
|---------------------|-------------|-----------|----------|
| Makkah              | 9900        | 5273      | 120      |
| Riyadh              | 8430        | 3115      | 16       |
| Jeddah              | 8034        | 5066      | 84       |
| Madinah             | 6768        | 4623      | 39       |
| Hufuf               | 2064        | 1163      | 4        |
| Jubayl              | 1696        | 1365      | 3        |
| Khubar              | 997         | 756       | 3        |

Sumber: (<https://covid19.moh.gov.sa/en/>, 15 Mei 2020)

Negara Islam yang merekodkan kes positif tertinggi ialah Iran, Pakistan, Arab Saudi dan disusuli oleh Turki. Keempat-empat negara ini mencatatkan hampir 1 juta kes dan lebih 27 ribu kes kematian ([www.worldometers.info/coronavirus](http://www.worldometers.info/coronavirus), 16 Julai 2020).

Dalam konteks kesan terhadap ibadat haji dan umrah, kerajaan Arab Saudi telah dikesan mula mengeluarkan kenyataan menangguhkan pengeluaran visa jemaah yang ingin menunaikan ibadah umrah di Tanah Suci berkuatkuasa 27 Februari 2020 (Berita Harian Online, 2020). Hal ini bagi mengelakkan penularan pandemik Covid-19 terutamanya daripada negara-negara yang dikategorikan sebagai berisiko tinggi ketika itu termasuk Malaysia. Malah, Arab Saudi juga telah melarang rakyatnya daripada berbuat demikian bagi tujuan yang sama (Astro Awani, 2020). Pada masa yang sama, pihak berkuasa Arab Saudi membayangkan bahawa ibadat haji pada tahun ini mungkin ditangguhkan. Malah mereka menggesa megara-negara umat Islam agar jangan melakukan perjanjian atau kontrak lagi untuk mengendalikan pengurusan haji jemaah negara masing-masing bagi mengelakkan kesukaran di belakang hari. Ini bagi menjaga kesucian Tanah Haram daripada merebak jangkitan Covid-19 (Aizuddin , 2020).

Tentang perjalanan haji dan umrah semasa pandemik ini sedang mengganas terutamanya pada tahun ini, kajian merumuskan bahawa ia perlu diserahkan kepada keputusan dan aturan kerajaan Arab Saudi (Berita Harian Online, 2020). Hal ini kerana mereka telah

banyak mengendalikan pengurusan ibadat haji dan umrah selama ini. Dalam konteks ini, kerajaan Malaysia sendiri akur pendirian Arab Saudi untuk menangguhkan haji sehingga wabak Covid-19 dapat dikawal (Lukcy M.Lukman, 2020). Namun begitu, negara-negara Islam yang lain masih boleh memberikan pandangan yang membina demi kebaikan semua pihak. Platform seperti OIC perlu digunakan sebaik mungkin bagi melaksanakan rundingan dan perbinangan yang tuntas, agar semua pihak dapat berpuas hati dengan keputusan yang bakal dikeluarkan. Justeru, pandangan-pandangan fuqaha silam seperti yang telah dinyatakan sebelum ini wajar diambil kira dalam membuat apa juar keputusan.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, pandemik Covid-19 yang sedang melanda dunia sekarang ini telah menjelaskan hampir keseluruhan negara. Banyak negara Islam turut terkesan termasuk Arab Saudi yang menjadi destinasi mengerjakan ibadat haji dan umrah ini pada setiap tahun. Justeru, kerajaan Arab Saudi mempunyai hak untuk menghalang ibadat haji dan umrah buat sementara waktu ini demi *maslahah* rakyatnya dan umat Islam seluruhnya. Pada masa yang sama, fardu kifayah dalam pelaksanaan ibadat haji dan umrah boleh terangkat dengan hanya perlu dilakukan oleh penduduk Mekah berdasarkan pandangan ulama fiqh. Semua itu boleh diselesaikan dengan perbincangan yang harmoni dan tuntas antara pihak-pihak yang berkepentingan demi *maslahah* umat Islam seluruhnya.

Sebagai penutup, umat Islam seluruh dunia perlu menggembung kekuatan dan kesatuan serta mengelakkan polemik dan perselisihan dalam tempoh yang gawat dan mencabar ini. Semoga pandemik ini dapat ditangani dengan segera dan sebaiknya dan umat Islam dapat kembali melakukan ibadah seperti biasa.

## **PENGHARGAAN**

Artikel ini merupakan sebahagian daripada penyelidikan yang bertajuk: ‘Metode Bimbingan Haji Oleh Lembaga Tabung Haji: Analisis Terhadap Modul Penerbitan Dan Cadangan Penambahbaikan’ dan telah mendapat pembiayaan di bawah peruntukan geran Special Research Grant Scheme (SRGS), No. Rujukan Projek: UniSZA/2017/SRGS/26. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Universiti Sultan Zainal Abidin kerana telah membiayai penyelidikan tersebut.

## **RUJUKAN**

- Abdul Hadi Awang. (2020, March 15). Berita Harian Online. Retrieved from Wajib cegah, rawat COVID-19 - Hadi: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665485/wajib-cegah-rawat-covid-19-hadi>
- Aizuddin. (2020, March 16). Berita Harian Online. Retrieved from Haji disekat, Masjidil Haram ditutup 40 kali: <https://www.bharian.com.my/rencana/agama/2020/03/665714/haji-disekat-masjidil-haram-ditutup-40-kali>

- Astro Awani. (2020, April 1). Retrieved from COVID-19: Arab Saudi minta umat Islam tangguh persiapan haji dan umrah: <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-arab-saudi-minta-umat-islam-tangguh-persiapan-haji-dan-umrah-236198>
- Astro Awani. (2020, April 16). Retrieved from COVID-19: Kes kematian meningkat kepada lebih 133,000: <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-kes-kematian-menungkat-kepada-lebih-133-000-238582>
- Astro Awani. (2020, April 16). Retrieved from COVID-19: Kes positif seluruh dunia melepas paras 2 juta: <http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-kes-positif-seluruh-dunia-melepas-paras-2-juta-238583>
- Astro Awani. (2020, Januari 31). WHO Isytihar Koronavirus Darurat Kesihatan Global. Retrieved from Astro Awani: <http://www.astroawani.com/berita-dunia/who-isytihar-koronavirus-darurat-kesihatan-global-229458>
- Basri Ibrahim. (2009). *Isu-Isu Fiqh Semasa Halal & Haram* (Jilid 1). Selangor: Al-Hidayah.
- Berita Harian Online. (2020, April 1). Retrieved from Malaysia akur pendirian Arab Saudi: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/671674/malaysia-akur-pendirian-arab-saudi>
- Berita Harian Online. (2020, April 15). Retrieved from COVID-19: Fasa ketiga PKP bermula hari ini: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677299/covid-19-fasa-ketiga-pkp-bermula-hari-ini>
- Berita Harian Online. (2020, April 16). Retrieved from PKP: Fasa ketiga PKP sudah diwarta: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/677904/pkp-fasa-ketiga-pkp-sudah-diwarta>
- Berita Harian Online. (2020, April 9). Retrieved from Lanjutan PKP: KKM maklumkan kepada PM esok: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/675075/lanjutan-pkp-kkm-maklumkan-kepada-pm-esok>
- Berita Harian Online. (2020, Mac 5). Retrieved from Arab Saudi kuat kuasa larangan umrah, ziarah Masjid Nabawi sejak semalam: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/662344/arab-saudi-kuat-kuasa-larangan-umrah-ziarah-masjid-nabawi-sejak>
- Berita Harian Online. (4 Mac 2020) <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/661933/malaysia-alami-gelombang-kedua-covid-19>
- al-Bugha, Mustafa. (2013). *Al-Fiqh al-Manhaj*. Beirut: Dar AL-Syamiah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1993). *Ihya' 'Ulum Al-Din*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Helmy Hazmi. (2018, August 2). Epidemik, Endemik dan Pandemik. Retrieved from The Malaysian Medical Gazette: <https://www.mmgazette.com/epidemik-endemik-dan-pandemik-dr-helmy-hazmi/>
- <https://covid19.moh.gov.sa/en/> (Akses pada 15 Mei 2020)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2020, Mac 17). Retrieved from Penangguhan Semua Aktiviti Keagamaan di Masjid dan Surau serta Panduan Pengurusan Jenazah Mangsa Covid-19: <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/2373-kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-penangguhan-semua-aktiviti-keagamaan-di-masjid-dan-surau-serta-panduan-pengurusan-jenazah-mangsa-covid-19>

- JAKIM. (2020, April 21). Retrieved from Huraian Aplikasi 5 Prinsip Maqasid Syariah Dalam Tabir Urus: <http://www.islam.gov.my/bahagian-maqasid-syariah/1181-prinsip-maqasid-syariah>
- Jamalluddin Hashim. (2017). *Fiqh Kontemporari*. Bangi: Darul Syakir.
- Lukcy M. Lukman. (2020, April 1). Dampak Covid-19, Arab Saudi Minta Umat Islam Tunda Persiapan Ibadah Haji Tahun Ini. Retrieved from Galamedia News: <https://www.galamedianews.com/haji/252612/dampak-covid-19-arab-saudi-minta-umat-islam-tunda-persiapan-ibadah-haji-tahun-ini.html>
- Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). (2020, April 21). Retrieved from Maqasid Syariah: <https://www.mais.gov.my/maqasid-syariah/>
- Majlis Ugama Singapore. (2020, Februari 18). Retrieved from Fatwa Berkaitan Pencegahan Covid-19: <https://www.muis.gov.sg/officeofthemufti/Fatwa/Fatwa-Covid-19-Malay>
- al-Makki, ‘Abd al-Fattah Rawah (1994), al-Ifsah ‘Ala Masa’il al-Idah ‘ala Madhahib al-Aimmah al-Arba’ah Wa Ghayrihim. Dlm. Al-Nawawi, *Kitab al-Idah Fi Manasik al-Hajj Wa al-Umrah*, Makkah : al-Maktabah al-Imdadiyyah
- Metro Online. (2020, April 21). Retrieved from Kronologi Covid-19 di Malaysia sehingga 16 Mac 2020: <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/03/555424/kronologi-covid-19-di-malaysia-sehingga-16-mac-2020>
- Najmi Syahiran. (2020, April 17). Astro Awani. Retrieved from Trivia: Ini 5 wabak paling dahsyat dalam sejarah manusia: <http://www.astroawani.com/berita-dunia/trivia-ini-5-wabak-paling-dahsyat-dalam-sejarah-manusia-238709>
- Office Of The Chief Registrar. (2020, April 20). Retrieved from Apa Itu Covid-19: <http://www.kehakiman.gov.my/en/node/2692>
- Pejabat mufti Wilayah Persekutuan. (2017, Ogos 9). Retrieved from Bayan Li Al-Haj Siri 2 : Pengertian Haji dan umrah serta Perbezaannya: <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-li-al-haj/724-bayan-li-al-haj-siri-2-pengertian-haji-dan-umrah-serta-perbezaannya>
- al-Shirbini, Shams al-Din Muhammad. (t.th). *Mughni al-Muhtaj ila Ma ‘rifat al-Ma ‘ani*. Mesir: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- www.worldometers.info/coronavirus. Akses pada 16 Julai 2020.